

25/10/1999

Lagi cikgu sebar dakyah dalam soalan peperiksaan

PARIT BUNTAR, Ahad - Perbuatan memcampur aduk soalan peperiksaan dengan mesej untuk memburukkan kerajaan yang berlaku di Kedah baru-baru ini, turut dikesan di sini.

Anggota Parlimen Parit Buntar Abdul Rahman Sulaiman dipetik Bernama sebagai berkata, seorang guru dari sebuah sekolah rendah kebangsaan di sini juga terbabit dalam kegiatan hampir serupa.

Soalan Matematik murid tahun tiga, guru itu membuat soalan seperti:

* Vincent Tan ada RM7.30, dia membeli sebuah buku nota berharga RM1.20 dan sebatang pencil berharga 70 sen, berapakah baki wang Vincent Tan?

* Rafidah ada 603 keping setem, dia simpan 248 keping di dalam album pertama dan 296 keping di dalam album kedua, setem selebihnya diberikan pada adiknya, berapakah setem yang adiknya terima?

Abdul Rahman khuatir lebih banyak sekolah dan guru terbabit dalam perbuatan seperti itu.

Jumaat lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan seorang guru Matematik di Sekolah Menengah Kebangsaan Jabi, Pokok Sena, Kedah, yang menyediakan soalan peperiksaan bermotif politik bagi membangkitkan kebencian murid terhadap kerajaan.

Di KOTA BHARU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, guru tidak seharusnya mengambil kesempatan daripada sikap liberal kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Mereka perlu faham dengan sistem sedia ada, mereka masih bebas menyertai atau menyokong mana-mana parti politik, cuma mereka hanya tidak dibenarkan menyalahgunakan kedudukan," katanya.

Di SUNGAI PETANI, Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, guru terbabit melakukan perbuatan itu kerana taksub terhadap parti pembangkang.

Katanya, guru itu terpengaruh dengan strategi pembangkang yang cenderung menyerang pemimpin BN dan bukan ideologi parti politik.

(END)